# BN jangan politikkan isu Hutan Simpan Sungai Karang

**SABAK BERNAM** – Barisan Nasional (BN) diingatkan supaya tidak mempolitikkan isu Hutan Simpan Sungai Karang, Sungai Besar kerana pewartaan hutan simpan itu sebelum ini dibuat semasa pemerintahan BN pada tahun 90-an lagi, kata Adun Sekinchan, Ng Suee Lim.

Beliau berkata, kawasan itu sebelum ini diteroka penduduk sejak tiga generasi sebelum kerajaan BN mengambil keputusan mewartakan kawasan itu sebagai hutan simpan.

Katanya, beliau sendiri bersedia membangkitkan perkara itu dalam Sidang Dun akan datang bagi mencari penyelesaian berhubung perkara itu agar rakyat lebih jelas memahami isu yang dibangkitkan.

"Sebelum sebahagian Kampung Parit 14 ini digazet hutan simpan, kawasan ini belum pun diwartakan hutan simpan, tetapi saya menerima maklumat, ia hanya mula digazet sebagai hutan simpan pada 1990-an.

"Kita mewarisi isu yang ditinggalkan kerajaan BN. Jangan kita lupa bahawa Dun Sungai Panjang sebelum ini menjadi kubu kuat BN dan diduduki bekas menteri besar," katanya.

Beliau turut mengakui perjuangan penduduk menuntut kawasan tanah itu berasas, namun beranggapan status hutan simpan itu perlu dipertahankan demi kelestarian alam.

"Persoalannya kini, adakah kita sebagai sebuah kerajaan wajar beri keizinan kepada rakyat menceroboh hutan simpan? Kalau wajar, kita boleh izinkan rakyat menerokanya. Tapi kesannya amat mendalam kerana beri petunjuk kepada rakyat di kawasan lain untuk menggunakan kaedah sama meneroka hutan simpan.

"Dalam hal ini, saya setuju jika hutan simpan diurus Perbadanan Menteri Besar (MBI) kerana kalau beri pada orang ramai, ia akan diteroka dan kemudiannya dijual seperti yang berlaku di Bukit Tagar," katanya.

*Sinar Harian* 17 April lalu melaporkan, kira-kira 336 penduduk yang mengusahakan tanaman kelapa sawit dan pokok kelapa di Hutan Simpan Sungai Karang, Sungai Besar berkemungkinan hilang punca pendapatan sekiranya kerajaan negeri masih bertegas mengambil alih tanah di kawasan terbabit.

---

## ...ada tanah lain ke di negeri ini?

336 penduduk yang juga waris peneroka berdepan kemelut pengusiran dari tanah diteroka sejak 1948

FOKUS

SABAK BERNAM – Kira-kira 336 penduduk juga waris peneroka yang mengusahakan tanaman kelapa sawit dan pokok kelapa di Hutan Simpan Sungai Karang, Sungai Besar berkemungkinan hilang punca pendapatan sekiranya kerajaan negeri bertegas mengambil alih tanah di kawasan terbabit.

Penduduk mendakwa, tanah diusahakan penduduk yang diteroka sejak 1948 itu akan diambil alih Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bagi tujuan menambah sumber pendapatan ekonomi negeri.

Tindakan itu jelas menggambarkan kerajaan negeri yang disifatkan sebagai terdesak hingga sanggup melihat kesengsaraan rakyat yang selama ini bergantung kepada hasil ekonomi itu bagi menampung kos sara hidup.

Malah, tiga keluarga yang menetap di hutan simpan itu juga bakal hilang tempat tinggal jika kawasan itu diambil alih kerajaan negeri bagi ... kelapa sawit yang di... PKPS.

... kin kami terpaksa hidup merempat," katanya.

**Penduduk tiada pilihan**

Seorang lagi penduduk, Rosliza Rahami, 35, berkata, penduduk tidak mempunyai pilihan jika diarah pindah kerana tidak memiliki geran, tetapi kesal dengan tindakan kerajaan negeri seolah-olah menzalimi rakyat yang meneroka tanah itu sekian lama.

"Tak ada tanah lain ke di negeri ni nak dibangunkan projek tanaman kelapa sawit? Kenapa mahu ambil apa yang diusahakan penduduk. Tindakan ini tak ubah macam menzalimi kehidupan rakyat," katanya.

Seorang pengusaha tanaman kelapa sawit, Ahmad Intan, 53, berkata, walaupun dia tidak lagi menetap di hutan itu, namun masih memiliki tanaman kelapa sawit di kawasan seluas tiga ekar yang menjadi sumber rezekinya selama ini.

Katanya, dia difahamkan PKPS akan mengambil alih tanaman kelapa sawit yang diusahakan penduduk dan hanya memberi peluang pekerjaan kepada mereka tanpa sebarang pampasan setimpal.



Penduduk menunjukkan rumah lama yang ditinggalkan akibat berdepan masalah ketiadaan bekalan elektrik.

**Akan hantar memorandum**

Laporan Sinar Harian, 17 April lalu.